

KONTEMPORARI DAN BERPANDANGAN JAUH

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pelaksana secara **KONTRAK**. Maklumat kekosongan jawatan adalah seperti berikut;

- **Pembantu Keselamatan, Gred KP19** **1 kekosongan**

KEKOSONGAN JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Pembantu Keselamatan, Gred KP19

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
KP19	1,360.00	4,052.00	100.00

1. Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
ATAU
2. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
ATAU
3. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
ATAU
4. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
DAN
5. Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar

6. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1, 3 atau 4 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

- Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1, 3 atau 4 yang memiliki Sijil SPM boleh dipertimbangkan untuk dilantik ke skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan demikian sebagai syarat lantikan.
- Penentuan tahap kelulusan adalah setaraf kelulusan Sijil Penuh SPM mengikut syarat-syarat seperti berikut:-
 - (a) Lulus 6 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan 2 mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan;
 - (b) Lulus 6 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan 2 mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh 3 tahun berturut-turut;
 - (c) Memenuhi syarat Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau Lulus, dan mata pelajaran tertentu sepetimana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh iklan ditutup.

PERMOHONAN

A. Prosedur Permohonan

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut:
<https://ehcm.unimas.my/eRecruitUNIMAS>.

B. Tempoh Permohonan

Permohonan ini dibuka mulai **7 September 2020 – 11 September 2020**.

KETERANGAN AM

A. Makluman Ujian Khas/Tapisan Memasuki Perkhidmatan dan/atau Temuduga

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

Pemohon tidak perlu menghantar sebarang dokumen sehingga dipanggil untuk menghadiri ujian tapisan/temuduga (disenarai pendek) **tetapi** perlu memuatnaik **semua** sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS seperti berikut:

- (a) Kad Pengenalan.
- (b) Sijil Kelahiran.
- (c) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip
 - i. PMR/SPR/setaraf;
 - ii. SPM/setaraf;
 - iii. STPM/Diploma;
 - iv. Ijazah Sarjana Muda;

- v. Ijazah Sarjana dan
 - vi. PhD (Doktor Falsafah)
- (d) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.

Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses.

B. Makluman lain

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.